

Ibu bapa Melayu tidak ambil berat didik anak

BM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masalah keluarga tidak bahagia atau 'broken family' mungkin menjadi punca utama keruntuhan akhlak anak-anak Melayu ketika ini.

Sehubungan itu, Presiden Umno memberitahu Perhimpunan Agung Umno 2002 di sini hari ini, keikhlasan dalam memperkatakan perkara itu amat penting kerana hanya dengan mengetahui perkara sebenar masalah berkenaan dapat diatasi.

Beliau berkata, walaupun belum ada kajian dibuat mengenai kesan masalah keluarga Melayu/Islam terhadap anak mereka, bagi pengikut agama lain, 'broken homes' biasanya mempunyai kesan buruk.

"Budaya dan nilai hidup sebahagian besar anak-anak adalah daripada didikan ibu bapa ketika kecil dan sebelum ke sekolah. Jika ibu bapa tidak mempunyai budaya dan nilai hidup yang baik sudah tentu tidak dapat mendidik anak dengan sempurna.

"Sebenarnya ramai ibu bapa sekarang tidak memiliki nilai hidup yang baik dan tidak berasa bertanggungjawab terhadap didikan anak. Memang majoritinya baik dan bertanggungjawab, tetapi ada minoriti yang agak besar yang tidak baik jika dibandingkan dengan ibu bapa kaum lain.

"Sementara ibu bapa kaum lain mengawal dan mengawasi anak supaya tekun belajar di rumah dan di sekolah, ibu bapa Melayu tidak begitu mengambil berat. Ini menyebabkan nilai baik tidak dapat dipupuk,"



**PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO**

18 - 22 JUN 2002

Perdana Menteri kesal kerana 'broken family' akibat perceraian ibu bapa juga lebih ramai membabitkan orang Melayu.

Justeru, secara berjenaka beliau menasihatkan lelaki Melayu/Islam yang berpoligami supaya berlaku adil kepada isteri mereka.

"Agama Islam membenarkan kita berkahwin dua, tiga atau empat. Tetapi jika kita tidak dapat berlaku adil kepada isteri-isteri ini, kita disuruh kahwin satu saja.

"Saya percaya semua yang beristeri lebih daripada satu dalam dewan ini dapat berlaku adil kepada isteri-isteri, tetapi saya percaya ramai dalam dewan dan di luar dewan yang tidak dapat," katanya disambut derai ketawa perwakilannya.

Dr Mahathir berkata, isteri yang diceraikan menerima tekanan emosi dan perasaan kerana tidak mendapat layanan sempurna daripada suami. Keluarga seperti itu sudah tentu tidak dapat memberi teladan dan contoh yang baik serta mendidik anak dengan sempurna.

"Tidak mungkin bapa dapat memberi masa dan perhatian kepada semua anak

yang sekali lagi disambut dengan ketawa perwakilannya.

Beliau juga berkata, guru turut bertanggungjawab mempengaruhi anak-anak sama ada dengan membentuk peribadi mulia melalui teladan dan didikan. Kerana itu, kerajaan memberi penekanan terhadap pendidikan dan memperuntukkan 20 peratus daripada Belanjawan Negara kepada bidang itu.

"Guru agama pula memainkan peranan yang amat penting kerana didikan agamalah yang akan menyedarkan anak-anak akan buruk baik, dosa pahala, dosa kecil dan dosa besar serta balasan syurga dan neraka di akhirat," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun majoriti anak-anak Melayu di sekolah mengamalkan nilai-nilai yang baik dan berjaya mengelak perbuatan tidak berakhlak, berbanding masyarakat dan penganut agama lain, jumlah mereka yang tidak baik kelakuan, tidak rajin belajar dan terlibat dalam pelbagai kegiatan terlarang, lebih ramai.

"Kenapakah ini berlaku? Apakah tekanan yang diberi ketika mendidik anak Melayu? Apakah tekanan yang cukup diberi kepada pembentukan peribadi mulia, kepada perbezaan di antara kebaikan dan keburukan, akan apa yang ditegah oleh agama dan adat resam kita dan apa yang disuruh?"

"Mereka yang mengabaikan tugas pendidikan, mengajar supaya bermusuhan dan membenci sesama Melayu dan Islam, serta tidak menyemaikan nilai Islam yang sebenar dan mulia,